UUM/DD49/um/12-08-2005/P: 32(3).

# UUM wakil ke Switzerland

UM 12/08/05 32: 3

SINTOK – Pasukan Seni Silat Pencak Olahraga Universiti Utara Malaysia (UUM) terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan Silat Olahraga Jemputan Switzerland yang akan berlangsung pada September ini.

Berita gembira tersebut disahkan oleh Penolong Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) Malaysia, Baharin Ibrahim pada majlis penyampaian hadiah Kejohanan Pencak Silat Jemputan UUM.

Menurut Baharin, Pesaka telah pun bersetuju pasukan yang berjaya menjadi johan dalam kejohanan kali ini akan menggantikan pasukan pencak silat olahraga kebangsaan ke Switzerland.

"Ini kerana pesilat negara kini sedang giat berlatih untuk memberi sepenuh komitmen kepada Sukan SEA 2005 yang akan berlangsung pada November depan" ujarnya.

Sementara itu, pesilat UUM, Fairul Amri Ari berazam memberi seratus peratus komitmen untuk membawa cabaran Malaysia ke Switzerland.

"Pemilihan pasukan UUM satu pengiktirafan kepada universiti ini dan peluang yang diberikan tidak akan disia-siakan dan kami akan cuba mengumpul sebanyak pinat yang boleh," katanya.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial itu sebelum ini pernah mewakili Majlis Sukan Universiti Malaysia ke pertandingan silat olahraga di Surabaya pada tahun lepas.

Seorang lagi pesilat UUM yang akan mewakili Malaysia ialah Siti Fatimah Bujal berkata, kemenangan itu adalah peristiwa paling manis dalam hidupnya kerana dapat mewakili negara.

## Mengharumkan

"Tambahan pula inilah pingat emas pertama saya setelah hampir tiga tahun bersilat," kata pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi.

Siti Fatimah juga berharap pesilat UUM dapat menumpukan sepenuh perhatian pada kejohanan di Switzerland nanti untuk mengharumkan Malaysia di persada dunia.

Dalam kejohanan jemputan itu, tuan rumah telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan apabila berjaya mengumpul sembilan pingat emas, enam perak dan lima gangsa manakala Universiti Teknologi Mara (UiTM) terpaksa berpuas hati di tempat kedua dengan lapan emas, satu perak dan gangsa diikuti Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn di tempat ketiga dengan satu emas, empat dan enam gangsa.